

# MDR cadang sediakan tong sampah tiga warna, bertujuan didik masyarakat

TEMPATAN



Oleh JAINUDDIN NASIR

15/06/2023 | Dikemaskini 4 hari yang lalu



*Antara peserta gotong royong merakam gambar bersama Juelber (belakang tiga kiri) dan Tan Eng Sing (belakang empat kiri) selepas bergotong royong.*

RANAU: Majlis Daerah ini (MDR), bercadang akan menempatkan tiga warna tong sampah di beberapa lokasi sekitar kawasan pekan Ranau sebagai kemudahan awam membuang sampah dengan lebih teratur mengikut label pada tong sampah berwarna biru, jingga dan coklat yang disediakan.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MDR, Juelber Albert memberitahu kaedah itu difikirkan perlu untuk mendidik masyarakat agar tidak membuang sampah sarap merata tempat terutama jenis kaca, tin atau plastik yang tidak mudah reput sebaliknya boleh dikitar semula.

Orang ramai katanya, boleh melihat pada pelekat setiap tong sampah yang letakkan.

“Dengan cara itu juga mendidik masyarakat supaya mengetahui kaedah membuang benda-benda yang boleh dikitar semula”, jelas Juelber ketika memberi taklimat kepada lebih 80 orang peserta gotong royong membersihkan kawasan pekan di sinibaru-baru ini.

Beliau menegaskan gotong royong kali ke-4 itu merupakan anjuran Rakan Taman MDR dengan kerjasama Jawatankuasa Kesejahteraan Dalam Bandar (JKDB) dan Jabatan Kesihatan daerah Ranau, bertujuan meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan kebersihan dan kualiti kesihatan awam menerusi persekitaran yang bersih.

“Kita merakam penghargaan dan terima kasih atas kehadiran ramai ke gotong royong ini yang merupakan program penting diadakan dari masa ke semasa”, jelas Juelber.

Turut hadir menyampaikan taklimat dan menyertai gotong royong setengah hari itu ialah, Pegawai Kesihatan Pejabat Kesihatan daerah Ranau, Dr. Wong dan Pembantu Tadbir Kanan MDR merangkap Pegawai Penyelaras Rakan Taman MDR 2023, Agnes Tan.

Sementara hadir sama dan menyertai Gotong Royong itu ialah, Pegawai Jabatan Penerangan (JaPen) Ranau, Kenny Thomas, Pengerusi JKDB, Tan Eng Sing bersama ahli Jawatankuasa JKDB, para Sukarelawan daripada Puspanita, para pengusaha Premis, para kakitangan jabatan kerajaan negeri dan Persekutuan serta Swasta.